

**UMNO Kelantan beri jaminan
Utusan Online
01 Mac, 2012
Oleh YULPISMAN ASLI**

KOTA BHARU 29 Feb. - UMNO Kelantan memberi jaminan akan memilih calon terbaik untuk mewakili Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

Jaminan itu dinyatakan oleh Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dalam Majlis Malam Mesra bersama lebih 1,000 pemimpin pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di sebuah hotel di sini malam tadi.

Mustapa bagaimanapun berkata, tidak semestinya calon yang dipilih itu dapat memuaskan hati semua pihak kerana tiada individu yang sempurna sifatnya.

"Sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, saya akan berusaha sedaya termampu untuk pastikan calon-calon terbaik. Selepas dipilih kena setuju, jangan ada cah keting, sabotaj. Kita kena pastikan akan ada gelombang merah untuk bawa perubahan di Kelantan," katanya.

Terdahulu, seorang veteran UMNO dari Pasir Mas, Ariffin Hussein membayangkan wujud puak-puak dalam UMNO yang telah 'menayangkan' calon masing-masing untuk diketengahkan dalam pilihan raya akan datang walaupun pucuk pimpinan parti belum membuat keputusan.

Mengulas lanjut perkara tersebut, Mustapa mengingatkan ahli-ahli UMNO supaya setia kepada parti bagi memastikan kemenangan BN pada pilihan raya nanti.

Beliau memberi contoh sikap setia ahli Pas kepada parti mereka apabila sanggup menyokong calon luar bertanding di negeri ini pada pilihan raya lalu sehingga memenangi kerusi yang ditandingi.

"Tetapi puak-puak kita kenapa payah nak menang? Paling penting kesetiaan kepada parti. Kita ingin sangat perubahan supaya dapat selesaikan masalah (masalah rakyat yang gagal ditangani Kerajaan Pas Kelantan) supaya masa depan anak cucu kita selamat. Tolong UMNO untuk pastikan dapat membawa perubahan besar di Kelantan," katanya.

Pada sidang akhbar kemudiannya, Mustapa yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan rasa gembira dengan kehadiran pimpinan NGO dalam majlis tersebut yang menandakan perubahan semakin kencang di negeri ini.

Beliau berharap momentum tersebut diteruskan supaya harapan rakyat untuk menyaksikan perubahan dapat direalisasikan pada pilihan raya umum nanti.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0301&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_01.htm